

15 JUN 2001

Umno-Perhimpunan

SEBANYAK 2,027 PERWAKILAN HADIRI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan minggu depan akan dihadiri 2,027 perwakilan dari seluruh negara, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Perhimpunan selama tiga hari itu bermula Khamis ini akan turut dihadiri wakil kelab-kelab Umno serta kira-kira 40 pemerhati pertubuhan dan parti politik dari luar negara.

Perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu akan didahului dengan Majlis Taklimat Presiden pada Selasa di Dewan Merdeka yang mana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanatnya mengenai perhimpunan kali ini, katanya pada sidang media di sini hari ini.

"Biasanya (taklimat presiden) menjurus kepada perkara yang berkaitan kepentingan parti, maka ia diadakan secara tertutup supaya perwakilan boleh mengemukakan pandangan dan soalan yang lebih terbuka kepada Presiden," katanya.

Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno pula akan diadakan pada keesokannya dengan dirasmikan serentak oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir pula akan merasmikan Perhimpunan Agung Umno pada pagi Khamis di Dewan Merdeka PWTC dan diikuti dengan perbahasan oleh wakil-wakil badan perhubungan Umno negeri, pemuda dan wanita serta Puteri Umno dan Kelab Umno.

Usul-usul yang akan dibahaskan ialah Ucapan Dasar Presiden, agama serta pendidikan dan ekonomi.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut berhubung fokus dan tema perhimpunan kali ini sebaliknya meminta semua pihak menunggu ucapan dasar presiden.

Beliau juga berkata, Umno hanya akan mengeluarkan pas media kepada wartawan dan jurugambar yang mempunyai kad perakuan akhbar yang dikeluarkan Jabatan Penerangan sahaja.

Katanya, wakil media yang tidak mempunyai kad perakuan akhbar itu boleh mendapatkan berita mengenai perhimpunan berkenaan daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

"Kita hanya memberi lencana (pas media) kepada mereka yang berdaftar dengan Jabatan Penerangan, selain itu ada juga liputan daripada BERNAMA ini boleh didapati oleh semua pihak," katanya.

Pas media itu akan dikeluarkan mulai pada pukul 9 pagi Selasa ini dan wakil media boleh mendapatkannya daripada ibu pejabat parti di Tingkat 38, Menara Dato' Onn, PWTC.

-- BERNAMA

RZS ZS RI